



## MENTERI SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

---

#### SESI TOWNHALL RANGKA KERJA DASAR SUMBER MANUSIA NEGARA DAN PENCAPAIAN 100 HARI YB MENTERI SUMBER MANUSIA

---

Setelah dilantik menjadi Menteri Sumber Manusia pada 13 Disember 2023 yang lalu, saya meletakkan pembangunan Dasar Sumber Manusia Negara sebagai salah satu hala tuju utama Kementerian.

Saya turut teruja untuk berkongsi pencapaian 100 hari sejak dilantik menjadi Menteri Sumber Manusia melalui 12 inisiatif yang telah dikenal pasti. Pencapaian ini adalah hasil kerjasama yang erat bersama team KESUMA dengan matlamat utama ialah untuk melaksanakan reformasi dan penjenamaan semula kementerian menerusi Konsep 3K iaitu **Kebajikan Pekerja, Kemahiran Pekerja & Keberhasilan Pekerja**.

Pembangunan rangka kerja Dasar Sumber Manusia Negara yang julung ini akan menjadi panduan utama dalam usaha mengenal pasti strategi bagi menangani pelbagai isu struktur yang terdapat dalam pembangunan sumber manusia dan pasaran buruh negara. Pembangunan Rangka Kerja Dasar ini juga adalah bagi menyokong hasrat murni Kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja mahir sebanyak 35 peratus menjelang tahun 2030.

Rangka Kerja Dasar Sumber Manusia Negara ini akan turut meliputi perancangan pembangunan modal insan yang holistik termasuk pembangunan nilai-nilai insaniah serta mengambil kira keperluan setiap golongan pekerja seperti belia, wanita, warga emas dan golongan rentan. Ia juga akan memberi penekanan kepada isu-isu perburuhan yang penting seperti pekerja gig, pembangunan bakat digital dan pekerjaan masa hadapan, pemeraksanaan TVET dan agenda pembangunan pekerjaan hijau selaras dengan hala tuju untuk mewujudkan ekosistem tenaga kerja yang produktif dan berkemahiran.

Sesi *townhall* yang diadakan pada 18 Mac 2024 melibatkan penyertaan pakar/ individu atau kumpulan daripada kalangan pegawai awam dan bukan pegawai awam termasuk daripada organisasi antarabangsa, universiti, wakil kesatuan pelajar, persatuan majikan dan pekerja, *Civil Society Organisation*, pengengaruh (*influencers*) dan penggiat industri. Sesi ini adalah bagi memastikan pandangan semua pihak diambilkira dalam merangka Dasar Sumber Manusia Negara ini.

Saya dan warga KESUMA akan terus menunaikan amanah dengan penuh dedikasi berpandukan nilai-nilai Madani dalam setiap tindakan yang dibuat demi kebaikan kaum pekerja, rakyat secara amnya dan negara.

**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**18 MAC 2024**

---